

Tun M, Trump dan 'troll'

BH - 9/2/2020 m/s: 11

Ahmad
Naim Tahir



Pengarang Berita Kanan BH
ahmadnaim@mediaprima.com.my

Semalam, Tun Dr Mahathir Mohamad menggunakan pentas Persidangan Liga Ahli Parlimen Untuk al-Quds di ibu negara, mengkritik Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump yang berbangga dengan pelan dirangkanya bagi mendamaikan persengketaan Israel dan Palestin yang sudah berlarutan sekian lama.

Dirujuk sebagai 'Perjanjian Abad Ini' atau *Deal of the Century*, Trump mendakwa ia tawaran terbaik pernah dibentangkan walaupun dunia tahu pelan damai yang sekadar memperuntukkan beberapa kelompok kawasan kepada Palestin, langsung tidak mengambil kira pandangan pemimpin tanah Arab berkenaan.

Tanggapan negatif daripada negara Islam berasas kerana ketika mengumumkan pelan itu dengan wajah penuh bangga pada sidang media di Rumah Putih penghujung bulan lalu, Trump turut disertai Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu tanpa seorang pun wakil Palestin kelihatan.

Lebih menghadirkan rasa sangsi adalah kerana pelan damai terbabit diusahakan menantu Presiden AS sendiri, Jared Kushner.

Kushner yang dilantik Trump sebagai penasihat kanannya, adalah generasi imigran Yahudi yang berhijrah ke AS dari Kesatuan Republik Sosialis Soviet (USSR) sebelum negara itu runtuh menjadi Russia.

Inisiatif berat sebelah itu disifatkan sebagai tindakan membuli Palestin yang majoriti penduduknya adalah Islam, namun tidak menghairankan kerana ketika kempen besar-besaran untuk merebut jawatan Presiden AS tiga tahun lalu, Trump memang memainkan isu perkauman dan ancaman terhadap imigran Muslim di negaranya.

"Ini adalah tindakan membuli. Hanya kerana anda mempunyai kekuatan, maka anda membuli yang tidak berdaya, tetapi kita di Malaysia dan negara lain di dunia, kita akan terus menegakkan undang-undang," kata Dr Mahathir.

Bagi kita di Malaysia, kelantangan Perdana Menteri bukan perkara luar biasa kerana memang sejak dahulu lagi, beliau amat tegas apabila membicarakan hak Palestin, tidak pernah kendur suaranya setiap kali isu penindasan oleh Israel dijadikan topik bicara.

Malah, pakar sejarah Israel,

Prof Ilan Pappé pernah berkata, pemimpin dunia lain perlu mencontohi ketegasan Dr Mahathir dalam menyatakan sokongan terhadap perjuangan Palestin, menyifatkan kelantangan pemimpin nombor satu Malaysia itu seharusnya memberi inspirasi kepada semua pihak.

Perdana Menteri tidak keseronangan kerana tindak-tanduk Trump sememangnya sudah lama di bawah radar beberapa media arus perdana AS, lama sebelum beliau mengangkat sumpah sebagai Presiden AS ke-45 pada Januari 2017 lagi.

Banyak kenyataan, tindakan dan keputusannya sebagai pemimpin kuasa besar dunia dipersoalkan.

Trump sentiasa menjadi bahan 'troll' dalam program bual bicara ditonton jutaan manusia, dikritik Trevor Noah, hos program *The Daily Show*, Stephen Colbert pula memperuntukkan segmen khas untuk menyindir Presiden AS itu dalam program *The Late Show*.

Pengacara terkemuka, Jimmy Kimmel juga dalam senarai teratas yang sentiasa 'menghentam' Trump, memperlekehkan jutawan dan bekas personaliti program realiti televisyen berusia 74 tahun itu menerusi program *Jimmy Kimmel Live*, begitu juga Seth Myers menerusi *The Late Night*.

"Saya tidak mahu bercakap

mengenai Donald Trump setiap malam, tiada seorang pun daripada kami mahu, tetapi dia tidak memberi kami pilihan," kata Kimmel seperti dilaporkan akhbar *The New York Times*.

Namun, Trump juga tidak kalah dengan tindakan sama, menggunakan Twitter untuk 'troll' menyindir; mengkritik dan memperlekehkan sesiapa sahaja yang tidak sehaluan dengan pendirian, tindakan, keputusan dan apa sahaja berkaitan dengannya.

Dalam satu daripada hantarnya di Twitter penghujung tahun lalu, Presiden AS itu menyelar dan menyifatkan penghormatan diberikan kepada Greta Thunberg, remaja perempuan berusia 16 tahun yang juga aktivis alam sekitar sebagai 'Person of the Year' bagi 2019 oleh majalah antarabangsa *Time*, sebagai tidak masuk akal.

Selepas dibebaskan daripada dakwaan untuk memecatnya dalam Senat AS pada Rabu lalu, diselamatkan anggota Republikan yang bersatu melindungi beliau, ramai pemerhati berpendapat Trump akan lebih agresif 'menyerang' lawan dan pengkritik, tentunya melalui Twitter.

Jadi, usah terkejut andai Dr Mahathir pun termasuk dalam senarai mangsa 'troll' Presiden AS selepas ini, sedangkan seorang remaja yang baru berusia 16 tahun pun tidak terkecuali.